

Pelajar cemerlang sentiasa menjadi rebutan ramai

US 14 6 17 93

KOTA KINABALU: Pelajar cemerlang sentiasa menjadi rebutan semua pihak untuk diambil berkerja.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Dato' Sri Zainal Rahim Seman berkata, begitu juga perkhidmatan awam yang memerlukan pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang untuk berkhidmat dalam sektor awam.

"Kalau kita tiada strategi yang lebih pantas maka orang lain akan mengambil pelajar cemerlang kita.

"Jadi falsafah kita yang utama adalah pelajar-pelajar terbaik ini dibiayai oleh kerajaan.

"Mudah-mudahan

kita mendapat pelajar terbaik yang boleh menyumbangkan tenaga dan buah fikiran kepada negara kita kerana negara Malaysia juga memerlukan orang yang bijak pandai dalam menguruskan masa depan negara.

"Oleh itu, adalah tidak menjadi kesalahan kalau kita menawarkan para pelajar cemerlang dalam sektor awam," jelasnya.

Beliau berkata demikian di sidang media selepas Sesi Interaksi Bersama Pelajar Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Universiti Malaysia Sabah (UMS), pada Jumaat.

Katanya, pencapaian yang cemerlang para pelajar tajaan JPA ini menunjukkan

SIA SABAH



ZAINAL menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar yang cemerlang mendapat CGPA 3.90.

mereka merupakan aset penting kepada negara dan mereka telah melunaskan

tanggungjawab berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang.

"Kita sentiasa kenal pasti dan memberi peluang kepada mereka yang cemerlang untuk berkhidmat dengan kerajaan," tambah beliau.

Padamajlis yang sama juga, Zainal turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 13 orang pelajar tajaan JPA yang cemerlang dengan memperoleh CGPA melebihi 3.90.

Kira-kira 350 pelajar tajaan JPA dari UMS, UiTM Sabah, Politeknik Kota Kinabalu menghadiri majlis berkenaan di samping dapat berpeluang berkongsi pandangan dan mendapat penjelasan mengenai pelbagai isu termasuk pengurusan tajaan.



PARA pelajar berkesempatan merakam kenangan bersama dengan Zainal.